

## **PayNet Memperkasa Transaksi Tanpa Tunai di 46 Lokasi Merentasi 7 Negeri melalui Bazar Ramadan Tanpa Tunai**

**KUALA LUMPUR, 11 Mac 2024** – Payments Network Malaysia Sdn Bhd (“PayNet”) sedang mempergiat usaha bagi menggalakkan penerimaan kaedah pembayaran tanpa tunai (cashless) di kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui pelancaran kempen **Bazar Ramadan Tanpa Tunai** di tujuh negeri sepanjang bulan Ramadan. Dengan kerjasama dari pihak bank pemoleh dan rakan kongsi platform pembayaran digital, kempen ini bertujuan untuk terus menjadikan urusan tanpa tunai sebagai pilihan utama pelanggan semasa berbelanja di Bazar Ramadan.

Bazar Ramadan menjadi tumpuan di kalangan orang ramai apabila tiba bulan Ramadan, terutamanya di kalangan warga kerja kerana memudahkan persediaan juadah berbuka puasa dengan menawarkan pelbagai pilihan dengan harga yang berpatutan kepada para pengunjung. Sebagai rangkaian pembayaran nasional, PayNet terus meneroka kaedah pembayaran yang cekap dan lebih mudah untuk meningkatkan pengalaman membeli-belah bagi peniaga dan pelanggan.

Dengan adanya kempen **Bazar Ramadan Tanpa Tunai** ini, ia akan menggalakkan para peniaga menerima pakai kaedah pembayaran digital di beberapa Bazar Ramadan merentasi 46 lokasi di tujuh negeri – Johor, Kedah, Kelantan, Perak, Terengganu, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setiap negeri akan bekerjasama dengan rakan-rakan strategik pembayaran digital PayNet untuk memperkasa dan memperhebat penerimaan DuitNow QR di kalangan PMKS.

“Sempena program **Bazar Ramadan Tanpa Tunai** pada tahun ini, PayNet akan bekerjasama dengan rakan-rakan strategik pembayaran digital kami serta para peniaga PMKS untuk meningkatkan titik sentuh DuitNow QR di tujuh negeri yang terlibat serta menyediakan kaedah pembayaran yang cekap kepada para pengunjung Bazaar Ramadan. Dengan penyediaan titik sentuh ini, ia bakal menggalakkan lebih banyak perbelanjaan tanpa tunai di Bazar Ramadan, dan kami menganggarkan lebih kurang 3 juta urusan DuitNow QR di sepanjang kempen ini,” kata **Azrul Fakhzan Mainor, Pengarah Kanan, Bahagian Komersial, PayNet.**

**Kempen Bazar Ramadan Tanpa Tunai** akan dilancarkan di setiap negeri yang terlibat sepanjang bulan Ramadan ini. PayNet akan bekerjasama dengan rakan kongsi pembayaran digital berikut:

<b>Bazar Ramadan Tanpa Tunai – Negeri &amp; Rakan Kongsi Pembayaran Digital</b>	
<b>Negeri</b>	<b>Rakan Kongsi Pembayaran Digital</b>
Johor	Bank Muamalat
Kedah	TNG Digital
Kelantan	Bank Islam
Perak	Hong Leong Bank
Terengganu	Agrobank
Sarawak	Merchantrade
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bank Simpanan Nasional
	MBSB Bank

Kesedaran mengenai peningkatan penerimaan teknologi digital dalam masyarakat terutamanya di kalangan PMKS adalah semakin meningkat, justeru menekankan keperluan mendesak untuk transformasi digital. Ini merupakan faktor yang kritikal agar perniagaan dapat bertahan dan kekal bersaing dalam pasaran. Melalui kempen **Bazar Ramadan Tanpa Tunai**, PayNet dan rakan-rakan strategik pembayaran digitalnya dapat menyediakan akses kepada PMKS tempatan untuk meningkatkan pengetahuan literasi kewangan digital dan menyokong peralihan mereka kepada penyelesaian pembayaran secara digital.

**Azrul** turut menyatakan bagaimana tingkah laku dan jangkaan pelanggan telah berubah berikutan kemajuan negara ke arah masyarakat tanpa tunai.

"Apabila melihat pendekatan kita terhadap permulaan bulan Ramadan sejak beberapa tahun lalu, jelas ternyata zaman telah berubah. Sebelum ini, kita akan memastikan wang tunai sentiasa cukup di tangan dan tidak sabar-sabar mengelilingi Bazar Ramadan untuk memilih juadah berbuka. Dalam dunia hari ini, di mana pelbagai pilihan pembayaran tersedia, pelanggan telah menukar pilihan mereka kepada urusan tanpa tunai. Sungguh mengujakan melihat penerimaan pantas di kalangan Rakyat terhadap pembayaran elektronik hanya dalam beberapa tahun sahaja, dan ini menunjukkan peningkatan dalam tahap celik kewangan digital di negara kita. Justeru, ini mendorong PayNet untuk terus meningkatkan ekosistem pembayaran secara digital bagi memenuhi keperluan yang progresif ini," kata beliau.

“Dalam usaha kami memperkasa ekonomi digital Malaysia melalui ekosistem kewangan inklusif dan kolaboratif, PayNet akan melengkapinya dengan inisiatif kesedaran dan pendidikan. Program ini memperkenalkan bagaimana pembayaran digital boleh memberi manfaat yang ketara kepada perniagaan mereka dalam landskap digital yang sentiasa berkembang. PayNet memperjuangkan mandat Kerajaan secara agresif dalam memperkasakan ekonomi digital seperti yang digariskan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia. Seajar dengan matlamat ini, komitmen kami diperluas untuk memupuk kesedaran di tujuh negeri ini, memastikan pertumbuhan mereka seiring dengan landskap kewangan digital yang berkembang pesat,” tambah beliau.

Untuk maklumat lanjut mengenai lokasi **Bazar Ramadan Tanpa Tunai** di bandar anda, sila layari [www.paynet.my](http://www.paynet.my).

**###**

## **Tentang PayNet**

Payments Network Malaysia (PayNet) adalah rangkaian pembayaran nasional dan infrastruktur kewangan pusat Malaysia dengan visi untuk memperkasakan ekonomi digital negara. Suite pembayaran runcit kami yang meluas, seperti DuitNow (QR dan P2P), JomPAY (Pembayaran Bil), FPX (Dalam Talian), MyDebit (Debit Domestik), MEPS (ATM) dan IBG (GIRO Antara Bank) merangkumi liputan hampir di setiap sudut dalam negara dan adalah sebahagian dari fabrik kehidupan seharian di Malaysia. Selain itu, rangkaian pembayaran QR runcit masa nyata PayNet, DuitNow juga boleh diguna dengan skim domestik di Singapura, Thailand dan Indonesia serta skim antarabangsa bagi membolehkan transaksi rentas sempadan yang lancar.

PayNet komited dalam mempromosikan ekosistem pembayaran yang selamat, cekap dan inovatif di Malaysia, dan bekerjasama rapat dengan pemegang taruhnya untuk membangunkan produk dan perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan pengguna dan perniagaan yang kian berubah dan berkembang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.paynet.my](http://www.paynet.my).

## **Perhubungan Media**

**Farah Qistina**  
[Farah.Qistina@edelman.com](mailto:Farah.Qistina@edelman.com)  
+60 16-209 5448

**Aina Zuraini**  
[Aina.Zuraini@edelman.com](mailto:Aina.Zuraini@edelman.com)  
+60 11-1169 2356